



UNDANG-UNDANG MALAYSIA

CETAKAN SEMULA

Akta 92

AKTA MAHKAMAH RENDAH 1948

Mengandungi segala pindaan hingga 30 September 1999

Teks ini HANYALAH TERJEMAHAN oleh Jabatan Peguam Negara bagi Subordinate Courts Act 1948. Melainkan jika dan sehingga ditetapkan sah di bawah subseksyen 7(1) Akta Bahasa Kebangsaan 1963/67 [Akta 32], teks ini bukan perundangan.

DITERBITKAN OLEH
PESURUHJAYA PENYEMAK UNDANG-UNDANG, MALAYSIA
DI BAWAH KUASA AKTA PENYEMAKAN UNDANG-UNDANG 1968
SECARA USAHA SAMA DENGAN MALAYAN LAW JOURNAL SDN BHD
DAN PERCETAKAN NASIONAL MALAYSIA BHD
1999

AKTA MAHKAMAH RENDAH 1948

Pertama kali diperbuat 1948 (Ordinan No. 43
tahun 1948)

Disemak 1972 (Akta 92 m.b.p.
1hb Januari 1972)

CETAKAN SEMULA YANG TERDAHULU

Cetakan Semula Yang Pertama 1981

Cetakan Semula Yang Kedua 1994



DISEDIAKAN UNTUK PENERBITAN OLEH
MALAYAN LAW JOURNAL SDN BHD
DAN DICETAK OLEH
PERCETAKAN NASIONAL MALAYSIA BERHAD
CAWANGAN KUALA LUMPUR
1999



UNDANG-UNDANG MALAYSIA

Akta 92

AKTA MAHKAMAH RENDAH 1948

SUSUNAN SEKSYEN

BAHAGIAN I PERMULAAN

Seksyen

1. Tajuk ringkas dan pemakaian
2. Tafsiran

BAHAGIAN II AM

3. Mahkamah-mahkamah
4. Meterai mahkamah
5. Proses mahkamah

BAHAGIAN III MAHKAMAH AGUNG

- 6-12. (*Dimansuhkan*)

BAHAGIAN IV MAHKAMAH RAYUAN

- 13-42. (*Dimansuhkan*)

BAHAGIAN V MAHKAMAH TINGGI

- 43-51. (*Dimansuhkan*)

Seksyen

*Penyemakan Prosiding Mahkamah Rendah oleh
Mahkamah Tinggi*

52-53. *(Dimansuhkan)*

54. Kuasa Hakim Mahkamah Sesyen untuk meminta rekod sivil mahkamah-mahkamah yang di bawah Mahkamah Sesyen itu

55-58. *(Dimansuhkan)*

BAHAGIAN VI

MAHKAMAH SESYEN

Am

59. Penubuhan dan bidang kuasa wilayah Mahkamah Sesyen

60. Kelayakan Hakim Mahkamah Sesyen

61. Pemindahan kuasa kepada Hakim Mahkamah Sesyen

62. Jenis urusan dalam apa-apa persidangan

Bidang Kuasa Jenayah Mahkamah Sesyen

63. Bidang kuasa jenayah

64. Hukuman

Bidang Kuasa Sivil Mahkamah Sesyen

65. Bidang kuasa sivil Mahkamah Sesyen

66. Tuntutan balas dalam Mahkamah Sesyen dan pemindahan daripadanya

67. Pelepasan sebahagian daripada tuntutan

68. Pemecahan tuntutan tidak dibenarkan

69. Kecualian bagi bidang kuasa

70. Mendapatkan kembali harta tak alih

71. Bidang kuasa untuk membuat keputusan mengenai hakmilik bagi harta tak alih dengan persetujuan pihak-pihak

71A. Tindakan dan guaman berkenaan dengan harta tak alih di Sarawak

72. Kuasa untuk mengeluarkan distres

73. Interplider

Seksyen

- 74. Kuasa untuk memerintahkan penjualan melainkan jika jaminan diberikan
- 75. (*Dimansuhkan*)

BAHAGIAN VII
MAHKAMAH MAJISTRET

Am

- 76. Penubuhan dan bidang kuasa wilayah Mahkamah Majistret
- 77. Majistret Kelas Pertama *ex-officio*
- 78. Pelantikan Majistret Kelas Pertama
- 78A. Kelayakan Majistret Kelas Pertama
- 79. Pelantikan Majistret Kelas Kedua
- 80. Pemindahan kuasa kepada Majistret
- 81. Majistret daripada mana-mana kelas boleh mengetuai Mahkamah Majistret
- 82. Kuasa-kuasa am dan bidang kuasa Mahkamah Majistret dan Majistret
- 83. Proses permulaan dan perintah interlokutori
- 84. Jenis urusan dalam apa-apa persidangan

Bidang Kuasa Jenayah Majistret

- 85. Bidang kuasa jenayah Majistret Kelas Pertama
- 86. Rayuan jenayah daripada Mahkamah Penghulu
- 87. Hukuman dalam kewibawaan Majistret Kelas Pertama
- 88. Bidang kuasa jenayah Majistret Kelas Kedua
- 89. Hukuman dalam kewibawaan Majistret Kelas Kedua

Bidang Kuasa Sivil Majistret

- 90. Bidang kuasa sivil Majistret Kelas Pertama
- 91. Rayuan sivil daripada Mahkamah Penghulu
- 92. Bidang kuasa sivil Majistret Kelas Kedua

Seksyen

93. Peruntukan-peruntukan Akta yang berhubungan dengan Mahkamah Sesyen yang terpakai bagi Mahkamah Majistret

BAHAGIAN VIII

MAHKAMAH PENGHULU DI MALAYSIA BARAT

94. Bidang kuasa sivil Mahkamah Penghulu
95. Bidang kuasa jenayah Mahkamah Penghulu
96. Hukuman dalam kewibawaan Mahkamah Penghulu
97. Penguatkuasaan perintah Mahkamah Penghulu

BAHAGIAN IX

JAKSA PENDAMAI

98. Pelantikan Jaksa Pendamai
99. Kuasa-kuasa Jaksa Pendamai

BAHAGIAN X

PELBAGAI

- 99A. Kuasa dan bidang kuasa lanjutan mahkamah
100. Siasatan permulaan
101. Kuasa-kuasa mahkamah berhubung dengan perbicaraan secara tertutup, dsb.
102. Hukuman dalam hal sabitan bagi beberapa kesalahan dalam satu perbicaraan
103. Tahanan sementara menanti hukuman jasad
104. Kuasa Hakim Mahkamah Sesyen atau Majistret untuk memerintahkan pemindahan kausa atau perkara jenayah
105. *(Dimansuhkan)*
106. Pegawai-pegawai rendah
107. Perlindungan pegawai-pegawai kehakiman
108. *(Dimansuhkan)*
109. Peruntukan untuk mengelakkan percanggahan undang-undang
110. Pemansuhan dan kecualian
111. Pindaan undang-undang

Seksyen

JADUAL PERTAMA DAN KEDUA (*Dimansuhkan*)

JADUAL KETIGA

JADUAL KEEMPAT

JADUAL KELIMA

UNDANG-UNDANG MALAYSIA

Akta 92

AKTA MAHKAMAH RENDAH 1948

Suatu Akta yang berhubungan dengan mahkamah bawahan.

*[Malaysia Barat—1hb Januari 1949,
Ord. 43 tahun 1948;
Sabah dan Sarawak—1hb Jun 1981,
P.U.(B) 264/81]*

BAHAGIAN I PERMULAAN

Tajuk ringkas dan pemakaian

1. (1) Akta ini bolehlah dinamakan Akta Mahkamah Rendah 1948.
- (2) Akta ini hendaklah terpakai di seluruh Malaysia kecuali—
 - (a) Bahagian VIII dan peruntukan-peruntukan lain yang berhubungan dengan Penghulu dan Mahkamah Penghulu tidak terpakai di Sabah dan Sarawak; dan
 - (b) Bahagian IX tidak terpakai di Sarawak.

Tafsiran

2. (1) Dalam Akta ini, melainkan jika konteksnya menghendaki makna yang lain—

“bidang kuasa tempatan Mahkamah Tinggi” ertinya —

 - (a) dalam hal Mahkamah Tinggi di Malaya wilayah yang terkandung dalam Wilayah Persekutuan dan Negeri-Negeri Tanah Melayu, iaitu, Johor, Kedah, Kelantan, Melaka, Negeri Sembilan, Pahang, Pulau Pinang, Perak, Perlis, Selangor dan Terengganu; dan
 - (b) dalam hal Mahkamah Tinggi di Sabah dan Sarawak, wilayah yang terkandung dalam Negeri Sabah dan Sarawak;

“Hakim Besar” ertinya Hakim Besar Mahkamah Tinggi di Malaya atau Mahkamah Tinggi di Sabah dan Sarawak, mengikut kehendak keadaan;

“mahkamah perbicaraan” berhubung dengan apa-apa rayuan ertinya mahkamah yang melaluinya dapatan, hukuman atau perintah asal yang dirayukan telah direkodkan, diluluskan atau dibuat;

“Mahkamah Tinggi” ertinya Mahkamah Tinggi di Malaya dan Mahkamah Tinggi di Sabah dan Sarawak atau salah satu daripadanya, mengikut kehendak keadaan;

“Majistret yang dilantik di bawah Akta ini” termasuklah seseorang Majistret *ex officio*;

“Malaysia Barat” mempunyai erti yang diberikan kepadanya dalam seksyen 3 Akta Tafsiran 1948 dan 1967 [Akta 388], dan termasuklah Wilayah Persekutuan;

“meterai” termasuklah cop;

“pemastautin tetap” mempunyai erti yang diberikan oleh Akta Mahkamah Kehakiman 1964 [Akta 91];

“Penghulu” ertinya Penghulu yang diberi kuasa oleh Kuasa untuk mengadakan persidangan mahkamah dan termasuklah Penggawa, Penolong Penggawa dan Penolong Penghulu yang mempunyai kuasa yang sama.

(2) Dalam hal sesuatu kesalahan di bawah Bab VI Kanun Keseksaan [Akta 574], apa-apa kesalahan di bawah mana-mana undang-undang bertulis yang dinyatakan dalam Jadual kepada Akta Kesalahan-Kesalahan Di Luar Negeri 1976 [Akta 163], atau apa-apa kesalahan di bawah mana-mana undang-undang bertulis yang lain, yang pelaksanaannya diperakui oleh Peguam Negara sebagai menjejaskan keselamatan Persekutuan, yang dilakukan, mengikut mana-mana yang berkenaan—

- (a) di laut lepas di atas mana-mana kapal atau di atas mana-mana pesawat udara yang didaftarkan di Malaysia;
- (b) oleh mana-mana warganegara atau mana-mana pemastautin tetap di laut lepas di atas mana-mana kapal atau di atas mana-mana pesawat udara; atau
- (c) oleh mana-mana warganegara atau mana-mana pemastautin tetap di mana-mana tempat di luar sempadan Malaysia,

maka apa-apa sebutan dalam Akta ini mengenai had bidang kuasa tempatan mana-mana Mahkamah Majistret atau Mahkamah Sesyen hendaklah disifatkan termasuk tempat tertuduh dijumpai.

BAHAGIAN II

AM

Mahkamah-mahkamah

3. (1) *(Dimansuhkan oleh Akta 7 tahun 1964).*

(2) Maka hendaklah ditubuhkan Mahkamah Rendah yang berikut bagi pentadbiran undang-undang sivil dan jenayah:

- (a) Mahkamah Sesyen;
- (b) Mahkamah Majistret; dan
- (c) di Malaysia Barat sahaja, Mahkamah Penghulu.

Meterai mahkamah

4. Setiap mahkamah hendaklah mempunyai dan menggunakan, mengikut kehendak keadaan, suatu meterai daripada jenis dan corak yang ditetapkan oleh Hakim Besar melalui pemberitahuan dalam *Warta*.

Proses mahkamah

5. (1) Segala apa jua pun saman, waran, perintah, kaedah, notis dan proses mandatori, sama ada sivil atau jenayah, hendaklah—

- (a) *(Dimansuhkan oleh Akta 7 tahun 1964);*
- (b) jika dikeluarkan atau dibuat oleh Mahkamah Sesyen, ditandatangani oleh Hakim Mahkamah Sesyen itu, atau ditandatangani, bagi pihak Hakim Mahkamah Sesyen itu, oleh seorang Majistret daripada salah satu kelas dalam had tempatan yang bidang kuasa Mahkamah Sesyen itu terletak atau oleh Pendaftar Mahkamah Rendah;
- (c) jika dikeluarkan atau dibuat oleh Mahkamah Majistret, ditandatangani oleh seorang Majistret daripada salah

satu kelas dalam had tempatan yang bidang kuasa Mahkamah itu terletak, atau ditandatangani oleh Pendaftar Mahkamah Rendah yang terletak di bandar atau di tempat yang sama dengan Mahkamah Majistret itu; dan

(d) jika dikeluarkan atau dibuat oleh Mahkamah Penghulu, ditandatangani oleh Penghulu Mahkamah itu,

dan tiap-tiap saman, waran, perintah, kaedah, notis dan proses mandatori itu hendaklah dimeteraikan dengan meterai mahkamah yang mengeluarkan atau membuatnya.

(2) Segala apa jua pun saman, waran, perintah, kaedah, notis dan proses lain, sama ada sivil atau jenayah, yang dikeluarkan atau dibuat oleh atau dengan kuasa mana-mana mahkamah berkenaan dengan apa-apa kuasa atau perkara dalam bidang kuasanya hendaklah mempunyai kuat kuasa dan kesan penuh dan boleh disampaikan atau dilaksanakan di mana-mana jua di dalam Malaysia.

BAHAGIAN III

MAHKAMAH AGUNG

6-12. *(Dimansuhkan oleh Akta 7 tahun 1964).*

BAHAGIAN IV

MAHKAMAH RAYUAN

13-42. *(Dimansuhkan oleh Akta 7 tahun 1964).*

BAHAGIAN V

MAHKAMAH TINGGI

43-51. *(Dimansuhkan oleh Akta 7 tahun 1964).*

*Penyemakan Prosiding Mahkamah Rendah
oleh Mahkamah Tinggi*

52-53. *(Dimansuhkan oleh Akta 7 tahun 1964).*

Kuasa Hakim Mahkamah Sesyen untuk meminta rekod sivil mahkamah-mahkamah yang di bawah Mahkamah Sesyen itu

54. (1) Hakim Mahkamah Sesyen boleh meminta dan memeriksa rekod mana-mana prosiding sivil di hadapan Mahkamah Majistret atau Mahkamah Penghulu dalam had bidang kuasa tempatan Mahkamah Sesyen yang dia sedang menjadi Hakim Mahkamah Sesyen bagi maksud memuaskan hatinya tentang betulnya, sahnyanya atau patutnya mana-mana keputusan yang telah direkodkan atau diberikan, dan tentang teraturnya apa-apa prosiding mahkamah itu.

(2) Jika Hakim Mahkamah Sesyen yang bertindak di bawah subseksyen (1) berpendapat bahawa mana-mana keputusan Mahkamah Majistret atau Mahkamah Penghulu itu menyalahi undang-undang atau tidak patut, atau bahawa mana-mana prosiding itu adalah luar aturan, dia hendaklah menghantar rekod itu kepada Mahkamah Tinggi, bersama dengan apa-apa ulasan yang difikirkannya patut mengenainya.

55–58. (*Dimansuhkan oleh Akta 7 tahun 1964*).

BAHAGIAN VI

MAHKAMAH SESYEN

Am

Penubuhan dan bidang kuasa wilayah Mahkamah Sesyen

59. (1) Yang di-Pertuan Agong boleh, melalui perintah, menubuhkan seberapa banyak Mahkamah Sesyen yang difikirkannya patut dan hendaklah mempunyai kuasa, jika difikirkannya patut, untuk menetapkan had bidang kuasa tempatan Mahkamah Sesyen itu.

(2) Tertakluk kepada Akta ini atau mana-mana undang-undang bertulis yang lain, Mahkamah Sesyen hendaklah mempunyai bidang kuasa untuk mendengar dan memutuskan apa-apa kuasa atau perkara sivil atau jenayah yang berbangkit dalam had bidang kuasa tempatan yang ditetapkan baginya di bawah seksyen ini, atau, jika tiada had tempatan sedemikian telah ditetapkan, yang berbangkit dalam mana-mana bahagian bidang kuasa tempatan Mahkamah Tinggi yang berkenaan.

(3) Setiap Mahkamah Sesyen hendaklah diketuai oleh seorang Hakim Mahkamah Sesyen yang dilantik oleh Yang di-Pertuan Agong atas syor Hakim Besar.

(4) Mahkamah Sesyen hendaklah biasanya diadakan di mana-mana tempat yang diarahkan oleh Hakim Besar, tetapi jika didapati perlu ia boleh juga diadakan di mana-mana tempat lain dalam had bidang kuasanya.

Kelayakan Hakim Mahkamah Sesyen

60. Tiada seorang pun boleh dilantik sebagai Hakim Mahkamah Sesyen melainkan jika dia seorang anggota Perkhidmatan Kehakiman dan Perundangan Persekutuan:

Dengan syarat bahawa seksyen ini tidak menghalang pelantikan seseorang untuk bertindak secara sementara sebagai Hakim Mahkamah Sesyen.

Pemindahan kuasa kepada Hakim Mahkamah Sesyen

61. Tertakluk kepada peruntukan dan batasan yang terkandung dalam Akta ini, segala kuasa, tugas dan fungsi yang, melalui mana-mana undang-undang bertulis yang berkuat kuasa di Malaysia atau mana-mana bahagiannya pada tarikh permulaan kuat kuasan Akta ini, atau melalui mana-mana undang-undang yang diluluskan atau dibuat sebelum permulaan kuat kuasa Akta ini dan yang mula berkuat kuasa selepas permulaan kuat kuasa di Malaysia atau mana-mana bahagiannya, telah diletakhakkan pada atau diberikan kepada atau dipertanggungkan ke atas, atau dinyatakan sebagai diletakhakkan pada, diberikan kepada atau dipertanggungkan ke atas atau yang, jika Akta ini tidak diluluskan, sepatutnya telah diletakhakkan pada atau diberikan kepada atau dipertanggungkan ke atas seseorang Hakim Daerah, Majistret daripada apa-apa perihalan atau Koroner bagi Malayan Union atau bagi Persekutuan Tanah Melayu atau bagi Sabah atau Sarawak hendaklah, tanpa menjejaskan seksyen 80, diletakhakkan pada, diberikan kepada dan dipertanggungkan ke atas Hakim Mahkamah Sesyen, dalam hal undang-undang yang berkuat kuasa pada tarikh permulaan kuat kuasa Akta ini, pada dan selepas tarikh itu, dan dalam hal undang-undang yang mula berkuat kuasa selepas permulaan kuat kuasa Akta ini pada dan selepas tarikh permulaan kuat kuasa undang-undang itu.

Jenis urusan dalam apa-apa persidangan

62. Dalam apa-apa persidangan Mahkamah Sesyen kedua-dua kausa dan perkara sivil dan jenayah, boleh didengar, diputuskan dan diuruskan, atau salah satu daripadanya.

Bidang Kuasa Jenayah Mahkamah Sesyen

Bidang kuasa jenayah

63. Mahkamah Sesyen hendaklah mempunyai bidang kuasa untuk membicarakan segala kesalahan selain kesalahan yang boleh dihukum dengan hukuman mati.

Hukuman

64. Mahkamah Sesyen boleh menjatuhkan apa-apa hukuman yang dibenarkan oleh undang-undang selain hukuman mati.

Bidang Kuasa Sivil Mahkamah Sesyen

Bidang kuasa sivil Mahkamah Sesyen

65. (1) Tertakluk kepada batasan yang terkandung dalam Akta ini, Mahkamah Sesyen hendaklah mempunyai—

(a) bidang kuasa yang tidak terhad untuk membicarakan segala tindakan dan guaman daripada jenis sivil berkenaan dengan kemalangan kenderaan motor, tuan tanah dan penyewa dan distres; dan

(b) bidang kuasa untuk membicarakan segala tindakan dan guaman lain daripada jenis sivil jika amaun yang dipertikaikan atau nilai hal perkara itu tidak melebihi dua ratus lima puluh ribu ringgit.

(2) (*Dimansuhkan oleh Akta A434*).

(3) Apabila pihak-pihak kepada suatu tindakan atau guaman yang boleh diberi kognisans oleh Mahkamah Sesyen, jika amaun yang dipertikaikan atau nilai hal perkara itu tidak melebihi had bidang kuasa, telah membuat perjanjian bertulis bahawa Mahkamah Sesyen hendaklah mempunyai bidang kuasa untuk membicarakan tindakan atau guaman itu, maka Mahkamah Sesyen hendaklah mempunyai bidang kuasa untuk membicarakan

tindakan atau guaman itu, walaupun amalan hal perkara itu mungkin melebihi had nilai bidang kuasa.

(4) Tiap-tiap perjanjian sedemikian hendaklah difailkan di Mahkamah Sesyen dan, apabila perjanjian difailkan sedemikian, pihak-pihak kepadanya hendaklah tertakluk kepada bidang kuasa Mahkamah Sesyen.

Tuntutan balas dalam Mahkamah Sesyen dan pemindahan daripadanya

66. (1) Jika dalam apa-apa tindakan atau guaman daripada jenis sivil di hadapan Mahkamah Sesyen apa-apa pembelaan atau tuntutan balas defendan melibatkan perkara di luar bidang kuasa Mahkamah itu, maka pembelaan atau perkara itu tidak boleh menyentuh kewibawaan atau tugas Mahkamah Sesyen untuk melupuskan kesemua perkara yang kontroversi, setakat yang berhubungan dengan tuntutan plaintif dan apa-apa pembelaan terhadapnya, tetapi tiada relief melebihi relief yang boleh diawardkan oleh Mahkamah itu menurut bidang kuasanya boleh diberikan kepada defendan atas tuntutan balas itu.

(2) Dalam apa-apa hal sedemikian Mahkamah Tinggi boleh, jika difikirkannya patut, atas permohonan mana-mana pihak, memerintahkan supaya tindakan atau guaman itu dipindahkan ke Mahkamah Tinggi, dan tindakan atau guaman itu hendaklah kemudiannya dimasukkan ke dalam buku kausa atau daftar guaman sivil Mahkamah Tinggi, dan diteruskan seolah-olah tindakan atau guaman itu telah dimulakan di dalamnya pada asalnya.

Pelepasan sebahagian daripada tuntutan

67. Plaintif boleh melepaskan apa-apa bahagian daripada tuntutannya untuk membawa tindakan atau guaman itu dalam bidang kuasa Mahkamah Sesyen, tetapi dia tidak boleh kemudiannya membawa guaman berkenaan dengan bahagian yang telah dilepaskan itu.

Pemecahan tuntutan tidak dibenarkan

68. Tuntutan-tuntutan tidak boleh dipecahkan, dan juga tidak lebih daripada satu tindakan atau guaman daripada jenis sivil boleh dibawa berkenaan dengan kausa tindakan yang sama terhadap pihak yang sama.

Kecualian bagi bidang kuasa

69. Mahkamah Sesyen tidak mempunyai apa-apa bidang kuasa dalam tindakan, guaman atau prosiding daripada jenis sivil—

- (a) yang berhubungan dengan harta tak alih kecuali yang diperuntukkan dalam seksyen 70 dan 71;
- (b) bagi pelaksanaan spesifik atau pembatalan kontrak;
- (c) bagi sesuatu injunksi;
- (d) bagi pengkenselan atau pembetulan surat cara;
- (e) untuk menguatkuasakan amanah;
- (f) bagi akaun;
- (g) bagi dekri perisytiharan kecuali dalam prosiding interplider di bawah seksyen 73;
- (h) bagi pengeluaran atau pembatalan pemberian perwakilan harta pusaka si mati atau pentadbiran atau pembahagian harta pusaka itu;
- (i) yang dalamnya kesahtarafan mana-mana orang dipersoalkan;
- (j) kecuali sebagaimana yang diperuntukkan secara khusus dalam mana-mana undang-undang bertulis yang sedang berkuat kuasa, yang dalamnya penjagaan atau jagaan budak dipersoalkan; dan
- (k) kecuali sebagaimana yang diperuntukkan secara khusus dalam mana-mana undang-undang bertulis yang sedang berkuat kuasa, yang dalamnya kesahan atau pembubaran mana-mana perkahwinan dipersoalkan.

Mendapatkan kembali harta tak alih

70. (1) Tertakluk kepada subsekyen (4), Mahkamah Sesyen hendaklah mempunyai bidang kuasa untuk mendengar dan memutuskan apa-apa tindakan atau guaman bagi mendapatkan kembali harta tak alih, dan dengan itu mengeluarkan perintah kepada pegawai Mahkamah yang sepatutnya supaya plaintif memiliki harta itu.

(2) Dalam mana-mana tindakan atau guaman itu, maka bolehlah ditambahkan suatu tuntutan bagi sewa atau hasil perantaraan dan bagi ganti rugi yang berbangkit kepada plaintif oleh sebab defendan menangguhkan atau menentang haknya untuk memiliki atau memasuki semula, dan bagi ganti rugi kerana pelanggaran apa-apa waad, syarat atau perjanjian berhubung dengan premis itu.

(3) *(Dimansuhkan oleh Akta A887).*

(4) Kecuali sebagaimana yang diperuntukkan dalam seksyen 71, bidang kuasa yang disebut terdahulu tidak boleh dijalankan dalam apa-apa kes jika, pada pendapat Mahkamah, suatu soal *bona fide* mengenai hakmilik terlibat dan, tertakluk kepada seksyen itu, mendapatkan kembali pemilikan apa-apa harta tak alih di bawah seksyen ini tidak menjadi halangan kepada pemulaan sesuatu tindakan, guaman atau prosiding daripada jenis sivil di Mahkamah Tinggi bagi membicarakan hakmilik bagi harta tak alih itu.

Bidang kuasa untuk membuat keputusan mengenai hakmilik bagi harta tak alih dengan persetujuan pihak-pihak

71. Jika, dalam apa-apa tindakan atau guaman di hadapan Mahkamah Sesyen, hakmilik bagi sesuatu harta tak alih dipertikaikan, atau soal tentang pemunyaannya berbangkit, Mahkamah boleh memutuskan perkara itu jika semua pihak yang mempunyai kepentingan bersetuju; tetapi, jika mereka tidak semuanya bersetuju, Hakim Mahkamah Sesyen hendaklah membuat permohonan kepada Mahkamah Tinggi untuk memindahkan tindakan atau guaman itu kepada Mahkamah itu sendiri.

Tindakan dan guaman berkenaan dengan harta tak alih di Sarawak

71A. Seksyen 70 dan 71 tidak terpakai bagi apa-apa tindakan atau guaman berkenaan dengan tanah di Sarawak yang baginya hakmilik tidak dikeluarkan oleh Pejabat Tanah di Sarawak dan yang dalamnya semua pihak tertakluk kepada sistem bumiputera mengenai undang-undang diri yang sama.

Kuasa untuk mengeluarkan distres

72. Mahkamah Sesyen hendaklah mempunyai bidang kuasa untuk mengeluarkan writ atau waran distres bagi sewa.

Interplider

73. Mahkamah Sesyen hendaklah mempunyai bidang kuasa untuk memberikan relief dengan cara interplider dan untuk memerintahkan penjualan apa-apa harta tertakluk kepada prosiding interplider—

- (a) jika pegawai Mahkamah Sesyen yang sepatutnya dipertanggungkan dengan pelaksanaan apa-apa writ, waran atau perintah Mahkamah dan tuntutan dibuat terhadap apa-apa wang atau harta alih lain yang diambil atau dicadangkan untuk diambil dalam melaksanakan writ, waran atau perintah itu, atau terhadap hasil atau nilai mana-mana harta itu, oleh mana-mana orang selain orang yang terhadapnya writ, waran atau perintah itu telah dikeluarkan atau dibuat; atau
- (b) jika orang yang meminta relief adalah bertanggung bagi apa-apa hutang, wang, atau harta alih lain yang amaun atau nilai tidak melebihi dua ratus lima puluh ribu ringgit dan bagi atau yang berkenaan dengannya dia telah atau dijangka akan dibawa guaman oleh dua pihak atau lebih yang membuat tuntutan bertentangan terhadapnya.

Kuasa untuk memerintahkan penjualan melainkan jika jaminan diberikan

74. Jika sesuatu tuntutan dibuat terhadap atau berkenaan dengan mana-mana harta alih yang disita di bawah suatu writ, waran atau perintah yang dikeluarkan atau dibuat oleh Mahkamah Sesyen, Mahkamah Sesyen itu boleh, atas permohonan orang yang atas kehendaknya writ, waran atau perintah itu telah dikeluarkan atau dibuat, memerintahkan pegawai Mahkamah yang sepatutnya supaya menjual harta yang dituntut itu seolah-olah tiada tuntutan sedemikian telah dibuat dan supaya membayar hasil jualan itu ke dalam mahkamah untuk mematuhi keputusan Mahkamah Sesyen, melainkan jika pihak menuntut memberikan jaminan mengikut apa-apa cara dan dalam apa-apa tempoh sebagaimana yang difikirkan patut oleh Mahkamah Sesyen.

75. *(Dimansuhkan oleh Ord. 29 tahun 1951).*

BAHAGIAN VII

MAHKAMAH MAJISTRET

*Am***Penubuhan dan bidang kuasa wilayah Mahkamah Majistret**

76. (1) Yang di-Pertuan Agong boleh, melalui perintah, menubuhkan seberapa banyak Mahkamah Majistret yang difikirkannya patut, dan hendaklah mempunyai kuasa, jika difikirkannya patut, untuk menetapkan had bidang kuasa tempatan Mahkamah Majistret itu.

(2) Tertakluk kepada Akta ini atau mana-mana undang-undang bertulis yang lain, Mahkamah Majistret hendaklah mempunyai bidang kuasa untuk mendengar dan memutuskan apa-apa kausa atau perkara sivil atau jenayah yang berbangkit dalam had bidang kuasa tempatan yang ditetapkan baginya di bawah seksyen ini, atau, jika tiada had tempatan sedemikian telah ditetapkan, yang berbangkit dalam mana-mana bahagian bidang kuasa tempatan Mahkamah Tinggi yang berkenaan:

Dengan syarat bahawa tiada seorangpun Majistret boleh mempunyai bidang kuasa untuk mendengar atau memutuskan apa-apa kausa atau perkara yang berbangkit dalam mana-mana Negeri yang dalamnya dan yang baginya dia tidak dilantik menjadi Majistret kecuali mengikut cara dan setakat yang diperuntukkan dalam Kanun Tatacara Jenayah [Akta 593] dan undang-undang yang sedang berkuat kuasa yang berhubungan dengan tatacara sivil.

(3) Mahkamah Majistret hendaklah biasanya diadakan di mana-mana tempat yang diarahkan oleh Hakim Besar, tetapi jika didapati perlu ia boleh juga diadakan di mana-mana tempat lain dalam had bidang kuasanya.

Majistret Kelas Pertama *ex officio*

77. (1) Orang-orang yang sedang memegang atau memegang jawatan yang dinyatakan dalam Jadual Keempat hendaklah, *ex officio*, menjadi Majistret Kelas Pertama atau Majistret Kelas Kedua, sebagaimana yang diperuntukkan dalam Jadual itu, di dan bagi Wilayah Persekutuan dan Negeri-Negeri berkenaan yang ditetapkan dalamnya.

(2) Yang di-Pertuan Agong boleh, melalui pemberitahuan dalam *Warta*, memotong mana-mana jawatan daripada, mengubah, atau menambah apa-apa jawatan kepada, senarai jawatan dalam Jadual Keempat.

Pelantikan Majistret Kelas Pertama

78. Tanpa menjejaskan seksyen 77—

- (a) Yang di-Pertuan Agong boleh, atas syor Hakim Besar dalam setiap hal, melantik mana-mana orang yang layak dan sesuai untuk menjadi Majistret Kelas Pertama di dan bagi Wilayah Persekutuan;
- (b) Pihak Berkuasa Negeri boleh, atas syor Hakim Besar dalam setiap hal, melantik mana-mana orang yang layak dan sesuai untuk menjadi Majistret Kelas Pertama di dan bagi Negeri itu.

Kelayakan Majistret Kelas Pertama

78A. Tiada seorang pun boleh dilantik sebagai Majistret Kelas Pertama melainkan jika dia seorang anggota Perkhidmatan Kehakiman dan Perundangan Persekutuan:

Dengan syarat bahawa seksyen ini tidak menghalang pelantikan seseorang untuk bertindak secara sementara sebagai Majistret Kelas Pertama.

Pelantikan Majistret Kelas Kedua

79. (1) Yang di-Pertuan Agong boleh melantik mana-mana orang yang layak dan sesuai untuk menjadi Majistret Kelas Kedua di dan bagi Wilayah Persekutuan.

(2) Pihak Berkuasa Negeri boleh melantik mana-mana orang yang layak dan sesuai untuk menjadi Majistret Kelas Kedua di dan bagi Negeri itu.

Pemindahan kuasa kepada Majistret

80. (1) Tertakluk kepada peruntukan dan batasan yang terkandung dalam Akta ini, segala kuasa, tugas dan fungsi yang, melalui mana-mana undang-undang bertulis yang berkuat kuasa di

Malaysia atau mana-mana bahagiannya pada tarikh permulaan kuat kuasa Akta ini, atau melalui mana-mana undang-undang yang diluluskan atau dibuat sebelum permulaan kuat kuasa Akta ini dan yang mula berkuat kuasa selepas permulaan kuat kuasa di Malaysia atau mana-mana bahagiannya, telah diletakhakkan pada atau diberikan kepada atau dipertanggungkan ke atas, atau dinyatakan sebagai diletakhakkan pada, diberikan kepada atau dipertanggungkan ke atas atau yang, jika Akta ini tidak diluluskan, sepatutnya telah diletakhakkan pada atau diberikan kepada atau dipertanggungkan ke atas seseorang Hakim Daerah, Majistret daripada apa-apa perihalan atau Koroner bagi Malayan Union atau bagi Persekutuan Tanah Melayu atau bagi Sabah atau Sarawak hendaklah, tanpa menjejaskan seksyen 61, diletakhakkan pada, diberikan kepada atau dipertanggungkan ke atas Majistret yang dilantik di bawah Akta ini, dalam hal undang-undang yang berkuat kuasa pada tarikh permulaan kuat kuasanya Akta ini, pada dan selepas tarikh itu, dan dalam hal undang-undang yang mula berkuat kuasa selepas permulaan kuat kuasa Akta ini pada dan selepas tarikh permulaan kuat kuasa undang-undang itu.

(2) Tiap-tiap orang yang dilantik menjadi Majistret Kelas Pertama di bawah atau menurut kuasa Akta ini hendaklah menjadi seorang Jaksa Pendamai *ex officio* di dalam dan bagi Wilayah Persekutuan atau Negeri yang dalamnya dan yang baginya Majistret Kelas Pertama itu telah dilantik sedemikian dan segala kuasa, tugas dan fungsi yang oleh mana-mana undang-undang bertulis yang sedang berkuat kuasa di Malaysia atau mana-mana bahagiannya, telah diletakhakkan pada atau diberikan kepada atau dipertanggungkan ke atas, seorang Jaksa Pendamai yang dilantik di dan bagi Wilayah Persekutuan atau mana-mana Negeri hendaklah diletakhakkan pada, diberikan kepada atau dipertanggungkan ke atas tiap-tiap Majistret Kelas Pertama yang dilantik sedemikian bagi Wilayah Persekutuan atau Negeri itu.

Majistret daripada mana-mana kelas boleh mengetuai Mahkamah Majistret

81. Mana-mana Majistret daripada salah satu kelas boleh bersidang dalam mana-mana Mahkamah Majistret dalam had bidang kuasa tempatannya bagi maksud mendengar dan memutuskan apa-apa kausa atau perkara, sivil atau jenayah, yang mengenainya dia mempunyai bidang kuasa menurut undang-undang ini atau mana-mana undang-undang bertulis lain yang sedang berkuat kuasa.

Kuasa-kuasa am dan bidang kuasa Mahkamah Majistret dan Majistret

82. Sesuatu Mahkamah Majistret yang ditubuhkan di bawah Akta ini hendaklah, bagi segala maksud, disifatkan sebagai Mahkamah Majistret Kelas Pertama, dan hendaklah mempunyai segala kuasa dan bidang kuasa yang diberikan kepada seorang Majistret Kelas Pertama oleh Akta ini atau mana-mana undang-undang bertulis yang lain, dan mana-mana Majistret daripada salah satu kelas dalam had tempatan yang bidang kuasa Mahkamah itu terletak boleh menjalankan kuasa dan bidang kuasa Mahkamah itu:

Dengan syarat bahawa seorang Majistret Kelas Kedua tidak boleh mengadakan siasatan permulaan atau meneruskan hingga perbicaraan dan putusan muktamad apa-apa kausa atau perkara yang tidak dalam bidang kuasa yang diberikan kepadanya oleh seksyen 88 atau seksyen 92 atau oleh mana-mana undang-undang bertulis yang lain.

Proses permulaan dan perintah interlokutori

83. Tanpa menjejaskan keluasan seksyen 82 atau seksyen 5—

- (a) apa-apa saman, writ, waran atau proses lain, sama ada sivil atau jenayah, yang dikeluarkan oleh Mahkamah Majistret boleh ditandatangani oleh Majistret daripada salah satu kelas dalam had tempatan yang bidang kuasa Mahkamah itu terletak walaupun Majistret itu berwibawa atau tidak berwibawa untuk membicarakan dan memutuskan kausa atau perkara yang dengannya saman, writ, waran atau proses lain itu berhubungan;
- (b) dalam apa-apa kausa atau perkara, sama ada sivil atau jenayah, di hadapan Mahkamah Majistret mana-mana Majistret daripada salah satu kelas dalam had tempatan yang bidang kuasa Mahkamah itu terletak boleh membuat apa-apa perintah interlokutori atau interim yang tidak melibatkan perbicaraan dan putusan muktamad kausa atau perkara itu termasuk, tetapi tanpa menjejaskan keluasan peruntukan yang terdahulu, perintah yang berhubungan dengan penangguhan, tahanan dan jaminan, pelaksanaan penghakiman dan dekri, dan pemindahan prosiding ke Mahkamah Sesyen.

Jenis urusan dalam apa-apa persidangan

84. Dalam apa-apa persidangan Mahkamah Majistret kedua-dua kausa dan perkara sivil dan jenayah, boleh didengar, diputuskan dan diuruskan, atau salah satu daripadanya.

*Bidang Kuasa Jenayah Majistret***Bidang kuasa jenayah Majistret Kelas Pertama**

85. Tertakluk kepada batasan yang terkandung dalam Akta ini seorang Majistret Kelas Pertama hendaklah mempunyai bidang kuasa untuk membicarakan segala kesalahan yang tempoh maksimum pemenjaraan yang diperuntukkan oleh undang-undang tidak melebihi sepuluh tahun pemenjaraan atau yang boleh dihukum dengan denda sahaja dan kesalahan-kesalahan di bawah seksyen 392 dan 457 Kanun Keseksaan.

Rayuan jenayah daripada Mahkamah Penghulu

86. Di Malaysia Barat, seorang Majistret Kelas Pertama hendaklah mempunyai bidang kuasa untuk mendengar dan memutuskan rayuan-rayuan jenayah oleh orang-orang yang disabitkan oleh Mahkamah Penghulu yang terletak dalam had bidang kuasa tempatannya dan boleh, jika difikirkannya tiada alasan yang mencukupi untuk mencampur tangan, menolak rayuan itu atau boleh—

(a) dalam suatu rayuan terhadap sabitan—

- (i) mengakaskan dapatan dan hukuman dan membebaskan dan melepaskan perayu;
- (ii) memerintahkan supaya perayu dibicarakan semula oleh mana-mana mahkamah bawahan yang mempunyai bidang kuasa yang berwajib; atau
- (iii) mengubah dapatan itu dan membuat apa-apa perintah tentang hukuman sesudah itu yang difikirkan patut oleh Mahkamah;

(b) dalam sesuatu rayuan terhadap hukuman, mengurangkan atau mengubah, tetapi tidak menambah, hukuman itu; dan

(c) dalam sesuatu rayuan terhadap apa-apa perintah lain, mengubah atau mengakaskan perintah itu.

Hukuman dalam kewibawaan Majistret Kelas Pertama

87. (1) Seorang Majistret Kelas Pertama boleh menjatuhkan apa-apa hukuman yang dibenarkan oleh undang-undang tidak melebihi—

- (a) lima tahun pemenjaraan;
- (b) denda sebanyak sepuluh ribu ringgit;
- (c) sebat sebanyak dua belas kali; atau
- (d) apa-apa hukuman yang menggabungkan mana-mana daripada hukuman yang disebut terdahulu:

Dengan syarat bahawa jika, melalui mana-mana undang-undang yang sedang berkuat kuasa, bidang kuasa diberikan kepada Mahkamah mana-mana Majistret untuk mengawardkan hukuman bagi apa-apa kesalahan yang melebihi kuasa yang ditetapkan oleh seksyen ini, seorang Majistret Kelas Pertama boleh, walau apa pun yang terkandung dalam seksyen ini, mengawardkan hukuman penuh yang dibenarkan oleh undang-undang itu.

(2) Walau apa pun subseksyen (1), jika seorang Majistret Kelas Pertama telah mensabitkan mana-mana orang dan ternyata bahawa, oleh sebab apa-apa sabitan dahulu atau latar belakangnya, suatu hukuman yang melebihi hukuman yang ditetapkan oleh subseksyen (1) patut diawardkan, maka Majistret Kelas Pertama itu boleh mengawardkan hukuman penuh yang dibenarkan oleh undang-undang bagi kesalahan yang mengenainya orang itu telah disabitkan dan hendaklah merekodkan sebab dia berbuat demikian.

Bidang kuasa jenayah Majistret Kelas Kedua

88. Seorang Majistret Kelas Kedua hendaklah hanya mempunyai bidang kuasa untuk membicarakan kesalahan-kesalahan yang tempoh maksimum pemenjaraan yang diperuntukkan oleh undang-undang tidak melebihi dua belas bulan atau yang boleh dihukum dengan denda sahaja:

Dengan syarat bahawa jika seorang Majistret Kelas Kedua berpendapat bahawa dalam hal keadaan kes itu, jika berkesudahan dengan suatu sabitan, kuasa menghukum yang dimilikinya itu tidak memadai, dia hendaklah mengambil

langkah-langkah yang perlu untuk menanggukkan kes itu untuk dibicarakan oleh seorang Majistret Kelas Pertama.

Hukuman dalam kewibawaan Majistret Kelas Kedua

89. Majistret Kelas Kedua boleh menjatuhkan apa-apa hukuman yang dibenarkan oleh undang-undang—

- (a) tidak melebihi enam bulan pemenjaraan;
- (b) denda yang tidak melebihi satu ribu ringgit; atau
- (c) apa-apa hukuman yang menggabungkan salah satu hukuman yang disebut terdahulu.

Bidang Kuasa Sivil Majistret

Bidang kuasa sivil Majistret Kelas Pertama

90. Tertakluk kepada batasan yang terkandung dalam Akta ini, seorang Majistret Kelas Pertama hendaklah mempunyai bidang kuasa untuk membicarakan segala tindakan dan guaman daripada jenis sivil jika amaun yang dipertikaikan atau nilai hal perkara itu tidak melebihi dua puluh lima ribu ringgit.

Rayuan sivil daripada Mahkamah Penghulu

91. Di Malaysia Barat seorang Majistret Kelas Pertama hendaklah mempunyai bidang kuasa untuk mendengar dan memutuskan rayuan-rayuan daripada apa-apa keputusan prosiding daripada jenis sivil bagi Mahkamah Penghulu yang terletak dalam had bidang kuasa tempatannya, dan boleh sesudah itu membuat apa-apa perintah yang difikirkannya patut dibuat tentang kos pendengaran dalam Mahkamah Penghulu dan kos mana-mana rayuan itu.

Bidang kuasa sivil Majistret Kelas Kedua

92. Seorang Majistret Kelas Kedua hendaklah hanya mempunyai bidang kuasa untuk membicarakan tindakan atau guaman asal daripada jenis sivil yang plaintif bertujuan untuk mendapat kembali hutang atau tuntutan jumlah tertentu wang yang kena dibayar oleh defendan, dengan atau tanpa bunga, yang tidak melebihi tiga ribu ringgit.

Peruntukan-peruntukan Akta yang berhubungan dengan Mahkamah Sesyen yang terpakai bagi Mahkamah Majistret

93. (1) Peruntukan seksyen 65(3) dan (4) dan peruntukan seksyen 66 hingga 70 dan 72 hingga 74 hendaklah terpakai *mutatis mutandis* bagi Mahkamah Majistret:

Dengan syarat bahawa, bagi maksud prosiding di Mahkamah Majistret, seksyen 73(b) hendaklah dibaca seolah-olah perkataan “dua puluh lima ribu” menggantikan perkataan “dua ratus lima puluh ribu”.

(2) Tiada apa-apa jua dalam seksyen ini boleh berkuat kuasa sebagai memperluas bidang kuasa Majistret Kelas Kedua yang selainnya telah dihadkan oleh Akta ini.

BAHAGIAN VIII

MAHKAMAH PENGHULU DI MALAYSIA BARAT

Bidang kuasa sivil Mahkamah Penghulu

94. Mahkamah Penghulu boleh mendengar dan memutuskan prosiding asal daripada jenis sivil yang plaintif bertujuan untuk mendapat kembali hutang atau tuntutan jumlah tertentu wang, dengan atau tanpa bunga, yang tidak melebihi lima puluh ringgit dan yang dalamnya semua pihak kepada prosiding itu adalah daripada ras Asia yang bertutur dan memahami bahasa Melayu.

Bidang kuasa jenayah Mahkamah Penghulu

95. (1) Bidang kuasa jenayah Mahkamah Penghulu adalah terhad kepada perbicaraan kesalahan jenis kecil yang dinyatakan secara khusus dalam Kuasanya dan yang boleh dihukum dengan memadai dengan denda yang tidak melebihi denda yang boleh diawardkan oleh Mahkamah Penghulu di bawah seksyen 96.

(2) Bidang kuasa jenayah Mahkamah Penghulu adalah juga dihadkan kepada perbicaraan pertuduhan terhadap orang daripada ras Asia.

(3) Mana-mana orang yang dipertuduh atas suatu kesalahan di hadapan Mahkamah Penghulu boleh memilih untuk dibicarakan oleh Mahkamah Majistret, dan orang itu hendaklah diberitahu oleh Penghulu, sebelum perbicaraannya dimulakan, tentang haknya untuk memilih sedemikian. Jika mana-mana orang

memilih untuk dibicarakan oleh Mahkamah Majistret di bawah subseksyen ini, maka Penghulu hendaklah dengan serta-merta mengambil apa-apa langkah yang perlu bagi memindahkan kes itu ke Mahkamah Majistret.

Hukuman dalam kewibawaan Mahkamah Penghulu

96. Mahkamah Penghulu boleh menjatuhkan apa-apa hukuman yang dibenarkan oleh undang-undang yang tidak melebihi denda sebanyak dua puluh lima ringgit.

Penguatkuasaan perintah Mahkamah Penghulu

97. (1) Sekiranya apa-apa perintah yang sah dibuat oleh Mahkamah Penghulu tidak dipatuhi, Mahkamah itu boleh melaporkan perkara itu, bersama dengan suatu salinan segala prosiding mengenainya, kepada Mahkamah Majistret, dan sesudah itu Mahkamah Majistret boleh menguatkuasakan perintah itu seolah-olah perintah itu ialah suatu perintah yang dibuat olehnya.

(2) Bagi maksud menguatkuasakan apa-apa perintah sedemikian Mahkamah Majistret boleh menjalankan apa-apa kuasa atau membuat apa-apa perintah tambahan yang mungkin dijalankan atau dibuat olehnya jika perintah yang kena dikuatkuasakan itu telah dibuat olehnya pada mulanya.

BAHAGIAN IX

JAKSA PENDAMAI

Pelantikan Jaksa Pendamai

98. (1) Yang di-Pertuan Agong boleh, melalui waran yang ditandatangani olehnya, melantik mana-mana orang yang difikirkannya layak menjadi Jaksa Pendamai di dalam dan bagi Wilayah Persekutuan dan boleh dengan cara yang sama membatalkan mana-mana pelantikan sedemikian.

(2) Pihak Berkuasa Negeri boleh, melalui waran yang ditandatangani olehnya, melantik mana-mana orang yang difikirkannya layak menjadi Jaksa Pendamai di dalam dan bagi Negeri itu, dan boleh dengan cara yang sama membatalkan mana-mana pelantikan sedemikian.

(3) Segala pelantikan dan pembatalan pelantikan yang dibuat di bawah seksyen ini hendaklah diberitahu dalam *Warta*.

Kuasa-kuasa Jaksa Pendamai

99. (1) Jaksa-Jaksa Pendamai di Malaysia Barat hendaklah mempunyai dan boleh menjalankan di dalam Negeri yang baginya mereka dilantik apa-apa kuasa yang tidak melebihi kuasa Majistret Kelas Kedua sebagaimana yang diberikan kepada mereka oleh mana-mana undang-undang bertulis.

(2) Jaksa-Jaksa Pendamai di Sabah hendaklah mempunyai dan hendaklah menjalankan dan melaksanakan apa-apa kuasa dan tugas sebagaimana yang diberikan atau dipertanggungjawabkan kepada mereka oleh mana-mana undang-undang bertulis. Mereka hendaklah juga mempunyai apa-apa kuasa dan tugas lain sebagaimana yang Menteri boleh melalui peraturan-peraturan memberi atau mempertanggungjawabkan kepada mereka dan Menteri boleh memberi atau mempertanggungjawabkan kuasa dan tugas tersebut kepada semua atau mana-mana Jaksa Pendamai.

(3) Sebelum menjalankan atau melaksanakan mana-mana kuasa atau tugas yang diberikan kepadanya, seorang Jaksa Pendamai hendaklah mengangkat dan menandatangani di hadapan seorang Hakim dalam Kamar sumpah dalam bentuk yang berikut:

*"Saya ,
setelah dilantik sebagai Jaksa Pendamai di dalam dan
bagi Negeri Sabah dengan sesungguhnya bersumpah (atau
berikrar) bahawa saya akan menunaikan tugas-tugas saya
dengan jujur dengan segala daya upaya saya dan saya
akan menumpahkan kepercayaan dan taat setia yang
sebenar kepada Negeri Sabah dan kepada Malaysia."*

(4) (a) Tiada apa-apa jua dalam seksyen ini boleh disifatkan menghendaki seorang Jaksa Pendamai supaya berpuas hati tentang kandungan apa-apa dokumen atau bahawa duti setem yang sepatutnya yang ditetapkan di bawah mana-mana undang-undang bertulis telah dibayar ke atasnya kecuali untuk memastikan bahawa satu setem atau lebih telah dilekatkan pada dokumen itu dan bahawa setem itu telah dibatalkan dengan cara yang ditetapkan oleh undang-undang sebelum menandatangani dan mengakusaksikan dokumen itu.

(b) Tiada fi boleh kena dibayar, selain duti setem, bagi apa-apa tindakan yang dilakukan sedemikian oleh seorang Jaksa Pendamai, dan seseorang Jaksa Pendamai hendaklah memberikan perkhidmatannya dengan percuma.

(5) Seseorang Jaksa Pendamai semasa menjalankan kuasa-kuasanya atau melaksanakan tugas-tugasnya sedemikian hendaklah disifatkan sebagai seorang pekhidmat awam dalam pengertian Kanun Keseksaan; dan Akta Perlindungan Pihak Berkuasa Awam 1948 [*Akta 198*] hendaklah terpakai bagi apa-apa guaman, tindakan, pendakwaan atau prosiding yang berbangkit daripadanya.

BAHAGIAN X

PELBAGAI

Kuasa dan bidang kuasa lanjutan mahkamah

99A. Pada meluaskan dan tidak pada mengurangkan kuasa yang diberikan oleh Akta ini atau yang sedia ada pada mana-mana mahkamah, dan tanpa menjejaskan keluasan mana-mana kuasa itu, tiap-tiap Mahkamah Sesyen dan Mahkamah Majistret hendaklah mempunyai kuasa dan bidang kuasa lanjutan yang dinyatakan dalam Jadual Ketiga.

Siasatan permulaan

100. Siasatan permulaan mengenai kes-kes yang boleh dibicarakan oleh Mahkamah Tinggi boleh diadakan oleh Mahkamah Sesyen atau oleh Mahkamah Majistret di hadapan seorang Majistret Kelas Pertama.

Kuasa-kuasa mahkamah berhubung dengan perbicaraan secara tertutup, dsb.

101. (1) Tempat yang dalamnya mana-mana mahkamah diadakan bagi maksud membicarakan apa-apa kausa atau perkara, sivil atau jenayah, atau mengadakan apa-apa siasatan, hendaklah disifatkan sebagai suatu mahkamah terbuka dan awam yang orang awam pada amnya mempunyai akses:

Dengan syarat bahawa mahkamah itu hendaklah mempunyai kuasa untuk mendengar apa-apa perkara atau prosiding atau mana-mana bahagiannya secara tertutup jika mahkamah berpuas

hati bahawa adalah suai manfaat demi kepentingan keadilan, kesejahteraan awam, keselamatan awam atau kesusilaan atau kerana apa-apa sebab lain yang mencukupi untuk berbuat demikian.

(2) Mahkamah boleh pada bila-bila masa memerintahkan bahawa tiada seorang pun boleh menyiarkan nama, alamat atau gambar foto mana-mana saksi dalam apa-apa perkara atau prosiding atau mana-mana bahagiannya yang dibicarakan atau diadakan atau yang hendak dibicarakan atau diadakan di hadapannya, atau apa-apa keterangan atau apa-apa perkara lain yang boleh membawa kepada pengenalan mana-mana saksi itu; dan mana-mana orang yang bertindak dengan melanggar mana-mana perintah sedemikian melakukan suatu kesalahan dan, apabila disabitkan, boleh didenda tidak melebihi lima ribu ringgit atau dipenjarakan selama tempoh tidak melebihi tiga tahun atau kedua-duanya.

Hukuman dalam hal sabitan bagi beberapa kesalahan dalam satu perbicaraan

102. Apabila seseorang disabitkan dalam satu perbicaraan atas mana-mana dua kesalahan yang berlainan atau lebih Mahkamah Majistret boleh menjatuhinya bagi kesalahan itu beberapa hukuman yang ditetapkan bagi kesalahan itu yang mahkamah itu berwibawa untuk mengenakan, hukuman-hukuman itu apabila terdiri daripada pemenjaraan hendaklah bermula selepas tamatnya hukuman yang satu lagi itu mengikut susunan sebagaimana yang diarahkan oleh mahkamah, atau hendaklah berjalan serentak jika mahkamah mengarahkan sedemikian, tetapi tidaklah perlu bagi mahkamah, semata-mata oleh sebab agregat hukuman bagi beberapa kesalahan itu melebihi hukuman yang mahkamah itu berwibawa untuk mengenakan atas sabitan satu kesalahan, menghantar pesalah itu untuk dibicarakan di hadapan mahkamah yang lebih tinggi:

Dengan syarat bahawa—

- (a) orang itu tidak sekali-kali boleh dihukum dengan tempoh pemenjaraan yang terjumlah secara agregat lebih daripada dua puluh tahun;
- (b) agregat hukuman itu tidak boleh melebihi dua kali ganda amaun hukuman yang mahkamah itu dalam menjalankan bidang kuasa biasanya berwibawa untuk mengenakan hukuman itu; dan

- (c) apabila pemenjaraan diarahkan kerana tidak membayar denda atau kos atau pampasan yang diperintahkan di bawah kuasa mana-mana undang-undang yang sedang berkuat kuasa, pemenjaraan itu hendaklah menuruti apa-apa tempoh atau tempoh-tempoh pemenjaraan lain yang diarahkan sedemikian dan apa-apa hukuman pemenjaraan yang selainnya dikenakan.

Tahanan sementara menanti hukuman jasad

103. Seseorang pesalah yang telah dihukum untuk menjalani hukuman jasad boleh ditahan dalam penjara atau di suatu tempat lain yang sesuai selama yang perlu untuk menjalankan hukuman itu, atau untuk memastikan sama ada hukuman itu akan dilaksanakan.

Kuasa Hakim Mahkamah Sesyen atau Majistret untuk memerintahkan pemindahan kausa atau perkara jenayah

104. Hakim Mahkamah Sesyen atau Majistret hendaklah mempunyai bidang kuasa dalam mana-mana kausa atau perkara jenayah, sama ada atau tidak dia mempunyai bidang kuasa pada akhirnya untuk mendengar dan memutuskan kausa atau perkara itu, untuk memerintahkan, dalam mana-mana kes yang kepentingan keadilan menghendaki sedemikian, bahawa kausa atau perkara itu dipindahkan ke mana-mana Mahkamah Sesyen atau Mahkamah Majistret yang lain, mengikut mana-mana yang berkenaan, yang pada pendapatnya mempunyai bidang kuasa untuk mendengar dan memutuskan kausa atau perkara itu, dan kausa atau perkara itu boleh disambung dalam Mahkamah yang lain itu dengan sewajarnya:

Dengan syarat bahawa tiada apa-apa jua dalam seksyen ini boleh disifatkan memberi bidang kuasa kepada mana-mana mahkamah yang kepadanya prosiding itu telah dipindahkan sedemikian, jika mahkamah itu selainnya tidak akan mempunyai bidang kuasa berkenaan dengannya.

105. *(Dimansuhkan oleh Ord. 34 tahun 1955).*

Pegawai-pegawai rendah

106. Maka hendaklah dilantik sekian bilangan orang pegawai rendah yang didapati perlu, dari semasa ke semasa, oleh Hakim

Besar dengan persetujuan Yang di-Pertuan Agong bagi mentadbirkan keadilan dan pelaksanaan sewajarnya segala kuasa dan menang yang terletak hak pada mana-mana mahkamah.

Perlindungan pegawai-pegawai kehakiman

107. (1) Tiada seorang pun Hakim Mahkamah Sesyen, Majistret atau orang lain yang bertindak secara kehakiman boleh dibawa guaman terhadapnya di mana-mana mahkamah sivil bagi apa-apa perbuatan yang dilakukan atau diperintahkan dilakukan olehnya dalam menunaikan tugas kehakimannya, sama ada atau tidak dalam had bidang kuasanya, dan juga tiada apa-apa perintah bagi kos boleh dibuat terhadapnya, dengan syarat bahawa dia pada masa itu dengan suci hati mempercayai bahawa dia mempunyai bidang kuasa untuk melakukan atau memerintahkan perbuatan yang diadukan itu.

(2) Tiada seorang pun pegawai mana-mana mahkamah atau orang lain yang terikat untuk melaksanakan waran atau perintah yang sah mana-mana Hakim Mahkamah Sesyen, Majistret atau orang lain yang bertindak secara kehakiman boleh dibawa guaman terhadapnya dalam mana-mana mahkamah sivil kerana melaksanakan apa-apa waran atau perintah yang dia terikat untuk melaksanakannya jika dalam bidang kuasa orang itu yang mengeluarkan waran atau perintah itu.

(3) Tiada seorang pun sherif, bailif atau pegawai lain mahkamah yang dipertanggungkan dengan kewajipan melaksanakan apa-apa penghakiman, perintah atau waran distres, atau menahan apa-apa harta sebelum penghakiman, boleh diabawa guaman terhadapnya dalam mana-mana mahkamah sivil berkenaan dengan apa-apa harta yang telah disita olehnya, atau berkenaan dengan apa-apa kerosakan yang berlaku pada apa-apa harta dalam melaksanakan atau dalam percubaan untuk melaksanakan penyitaan itu, melainkan jika ternyata bahawa dia dengan disedarinya telah bertindak lebih daripada kuasa yang diberikan kepadanya oleh writ, waran atau perintah yang berkenaan itu, dan dia tidaklah boleh disifatkan telah bertindak dengan disedarinya lebih daripada kuasanya semata-mata atas sebab dia menyedari tentang adanya suatu pertikaian tentang pemunyaan harta yang disita sedemikian.

108. (*Dimansuhkan oleh Akta 7 tahun 1964*).

Peruntukan untuk mengelakkan percanggahan undang-undang

109. Sekiranya terdapat ketidakselarasan atau percanggahan antara Akta ini dengan mana-mana undang-undang bertulis lain yang berkuat kuasa pada permulaan kuat kuasa Akta ini, peruntukan-peruntukan Akta ini hendaklah terpakai.

Pemansuhan dan kecualian

110. (1) Ordinan dan Enakmen yang dinyatakan dalam Jadual Kelima kepada Akta ini dengan ini dimansuhkan setakat yang dinyatakan dalam ruang ketiga Jadual itu.

(2) (*Ditinggalkan*).

(3) Segala pelantikan dan segala kaedah mahkamah dan perundangan subsidiari lain yang berkuat kuasa pada permulaan kuat kuasa Akta ini di bawah atau menurut kuasa mana-mana Ordinan atau Enakmen atau mana-mana peruntukannya yang dimansuhkan oleh Akta ini hendaklah terus berkuat kuasa sehingga peruntukan lain dibuat di bawah atau menurut kuasa Akta ini atau mana-mana undang-undang bertulis lain yang sedang berkuat kuasa dan hendaklah, setakat yang berhubungan dengan mana-mana mahkamah yang wujud dalam Malaysia Barat sebelum permulaan kuat kuasa Akta ini, disifatkan berhubungan, setakat yang boleh dipakai, dengan mahkamah yang bersamaan yang ditubuhkan oleh atau yang disebut dalam Akta ini.

Bagi maksud subseksyen ini pelantikan Hakim Daerah hendaklah disifatkan berkuat kuasa sebagai pelantikan Hakim Mahkamah Sesyen.

Pindaan undang-undang

111. Jika dalam mana-mana undang-undang bertulis yang diluluskan atau dibuat sebelum permulaan peluasan Akta ini ke Sabah dan Sarawak, terdapat, berhubung dengan Sabah atau Sarawak—

(a) sebutan mengenai Mahkamah Majistret Kelas Pertama atau Mahkamah Daerah, hendaklah digantikan dengan sebutan mengenai Mahkamah Sesyen;

(b) sebutan mengenai Mahkamah—

(i) Majistret Kelas Kedua, Mahkamah Polis atau Mahkamah Kausa-Kausa Kecil;

(ii) Majistret Kelas Ketiga atau Mahkamah Kecil,

hendaklah digantikan dengan sebutan mengenai Mahkamah Majistret;

(c) sebutan mengenai Majistret *Stipendiary* atau Majistret Kelas Pertama hendaklah digantikan dengan sebutan mengenai Hakim Mahkamah Sesyen; dan

(d) sebutan mengenai Majistret Kelas Kedua atau Majistret Kelas Ketiga hendaklah digantikan dengan sebutan mengenai Majistret Kelas Kedua.

JADUAL PERTAMA

(Dimansuhkan oleh Akta 7 tahun 1964)

JADUAL KEDUA

(Dimansuhkan oleh Akta 7 tahun 1964)

JADUAL KETIGA

[Seksyen 99A]

KUASA-KUASA TAMBAHAN MAHKAMAH SESYEN DAN MAHKAMAH MAJISTRET

***Res judicata* dan berbilang prosiding**

1. Kuasa untuk membuang atau menggantung prosiding jika perkara yang menjadi persoalan itu adalah *res judicata* antara pihak-pihak, atau jika, oleh sebab berbilangnya prosiding di mana-mana mahkamah atau mahkamah-mahkamah, prosiding itu tidak sepatutnya diteruskan.

Penggantungan prosiding

2. (1) Kuasa untuk menggantung prosiding melainkan jika prosiding itu telah dimulakan di Daerah yang dalamnya—

- (a) kausa tindakan itu berbangkit;
- (b) defendan bermastautin atau mempunyai tempat perniagaannya;
- (c) seorang daripada beberapa defendan bermastautin atau mempunyai tempat perniagaannya;
- (d) fakta-fakta yang mengenainya prosiding itu diasaskan wujud atau dikatakan telah berlaku; atau
- (e) kerana sebab-sebab lain adalah dihasratkan supaya prosiding itu diadakan demi kepentingan keadilan.

(2) *(Ditinggalkan).*

Pemindahan prosiding

3. (1) *(Dimansuhkan oleh Akta 7 tahun 1964).*

(2) Kuasa, atas permohonan atau atas usulnya sendiri, untuk memindahkan mana-mana prosiding kepada suatu mahkamah lain yang mempunyai bidang kuasa setara.

Penyampaian luar bidang kuasa

4. Kuasa untuk membenarkan penyampaian prosesnya di luar Malaysia di Singapura atau Brunei, atau, dengan kebenaran Mahkamah Tinggi, di tempat lain.

Penyampaian

5. Kuasa, tertakluk kepada mana-mana undang-undang bertulis, untuk memerintahkan penyampaian prosesnya di mana-mana tempat atau pada bila-bila masa dan mengikut apa-apa cara, dan untuk memerintahkan supaya penyampaian itu disifatkan telah dilaksanakan pada bila-bila masa.

Tolakan

6. (1) Kuasa untuk membenarkan pembelaan tolakan dalam apa-apa kes yang pembelaan itu boleh dibenarkan di Mahkamah Tinggi di England.

(2) Jika dalam mana-mana tindakan suatu tolakan atau tuntutan balas dibuktikan sebagai pembelaan terhadap tuntutan plaintif mahkamah boleh, jika bakinya adalah untuk faedah defendan, memberi penghakiman memihak defendan bagi mendapatkan baki itu atau boleh selainnya memutuskan supaya defendan diberi apa-apa relief yang dia berhak bergantung pada merit kes itu:

Dengan syarat bahawa tiada relief yang melebihi relief yang mahkamah mempunyai bidang kuasa selainnya untuk mengawardkan boleh diberikan kepada defendan atas tolakan atau tuntutan balas itu.

Penzahiran dan interogatori

7. Kuasa untuk memerintahkan penzahiran fakta atau dokumen oleh mana-mana pihak atau orang mengikut apa-apa cara yang ditetapkan oleh kaedah-kaedah mahkamah.

Proses untuk memaksa kehadiran

8. (1) Tertakluk kepada apa yang diperuntukkan kemudian daripada ini, kuasa untuk mengeluarkan proses untuk memastikan kehadiran mana-mana orang di mahkamah bagi apa-apa maksud, sama ada melalui waran tangkap atau saman, dan untuk menghendaki mana-mana orang supaya memberi jaminan bagi kehadirannya atau bagi menjelaskan apa-apa tuntutan atau permintaan, mengikut apa-apa cara yang ditetapkan oleh kaedah-kaedah mahkamah.

(2) Keingkaran mematuhi apa-apa perintah sedemikian bagi jaminan, atau untuk memastikan kehadiran mana-mana orang di mahkamah, mahkamah boleh memerintahkan supaya orang itu dikomitkan ke penjara bagi apa-apa tempoh, tidak melebihi enam bulan, dan mengikut apa-apa cara yang ditetapkan oleh kaedah-kaedah mahkamah.

(3) Tiada prosiding boleh dikeluarkan bagi memaksa kehadiran mana-mana orang yang, menurut kuasa mana-mana undang-undang bertulis, dikecualikan daripada hadir sendiri di mahkamah.

(4) Mahkamah boleh melalui notis yang dialamatkan kepada pegawai yang menjaga penjara menghendaki mana-mana orang yang berada dalam penjara dibawa ke hadapannya bagi apa-apa maksud.

Pengkomitan

9. (1) Kuasa untuk mengkomitkan ke penjara bagi apa-apa tempoh, tidak melebihi enam bulan, dan mengikut apa-apa cara yang ditetapkan oleh kaedah-kaedah mahkamah, mana-mana orang yang bersengaja tidak menurut atau gagal mematuhi mana-mana perintah mahkamah, atau yang, dengan tujuan untuk mengecewakan tujuan keadilan atau menghalang atau melengahkan penunaian sesuatu penghakiman atau perintah yang diberikan, atau yang mungkin diberikan, terhadapnya, lari daripada atau cuba lari daripada bidang kuasa, atau melupuskan atau cuba melupuskan apa-apa harta, atau mengelakkan atau cuba mengelakkan penyampaian apa-apa proses mahkamah kepadanya.

(2) Tiada perintah untuk penangkapan atau pengkomitan di bawah perenggan ini atau perenggan 8 boleh berkuat kuasa untuk melepaskan atau menjelaskan apa-apa hutang.

Penahanan sebelum penghakiman

10. Kuasa, mengikut apa-apa cara yang ditetapkan oleh kaedah-kaedah mahkamah, untuk memerintahkan penahanan dan penjualan harta mana-mana orang yang mungkin dikomitkan ke penjara olehnya di bawah perenggan 9.

Penyampaian proses

11. Kuasa untuk menyampaikan proses mana-mana mahkamah di luar Malaysia.

Orang miskin

12. Kuasa untuk membenarkan mana-mana orang membawa guaman atau dibawa guaman terhadapnya sebagai seorang miskin dan untuk menarik balik kebenaran itu mengikut apa-apa cara yang ditetapkan oleh kaedah-kaedah mahkamah.

13. *(Dimansuhkan oleh Akta 7 tahun 1964).*

Salinan pejabat dan salinan yang diperakui

14. Kuasa untuk mengeluarkan dan menggunakan bagi apa-apa maksud salinan pejabat atau salinan yang diperakui apa-apa prosiding dalam mahkamah itu, dan untuk menggunakan dan bertindak atas apa-apa salinan pejabat atau salinan yang diperakui yang dikeluarkan oleh mahkamah lain.

Kos

15. Kuasa untuk mengawardkan kos apa-apa prosiding termasuklah prosiding yang telah digantung dan prosiding yang di luar bidang kuasanya; segala kos sedemikian adalah menurut budi bicara mahkamah, kecuali sebagaimana yang diperuntukkan oleh mana-mana undang-undang bertulis.

Penyempurnaan dokumen

16. Kuasa untuk menyempurnakan, atau untuk mengarahkan mana-mana pegawainya untuk menyempurnakan, apa-apa pindahmilik, pemindahhakan, penyerahhakan, kontrak atau dokumen lain, termasuk sesuatu pengendorsan pada sesuatu surat cara boleh niaga, yang mana-mana orang itu telah diperintahkan oleh mahkamah supaya menyempurnakan, jika dia telah cuai atau enggan menyempurnakan pemindahan, pemindahhakan, penyerahhakan, kontrak atau dokumen lain, termasuk sesuatu pengendorsan pada sesuatu surat cara boleh niaga, atau jika berada di luar bidang kuasa, dan pindahmilik, pemindahhakan, penyerahhakan, kontrak atau dokumen lain, termasuk pengendorsan pada surat cara boleh niaga itu hendaklah berkuat kuasa bagi segala tujuan seolah-olah telah disempurnakan oleh orang itu.

17. *(Dimansuhkan oleh Akta 7 tahun 1964).*

Pelaksanaan

18. (1) Bagi maksud melaksanakan mana-mana penghakiman atau perintah atau bagi maksud menahan harta sebelum penghakiman mahkamah boleh, melalui pegawainya yang berkenaan memecah masuk mana-mana rumah atau premis lain yang tertutup, dengan menggunakan apa-apa kekerasan yang perlu,

dan boleh dengan cara yang sama memecah masuk mana-mana bahagiannya atau mana-mana peti besi, almari, atau bekas lain di dalamnya.

(2) Kuasa untuk memeriksa mana-mana orang mengenai hartanya atau harta mana-mana orang lain atau mengenai apa-apa pelupusannya.

(3) Kuasa untuk bertindak bagi membantu mahkamah lain dengan melaksanakan atau menjalankan apa-apa penghakiman atau perintahnya dengan cara yang sama sebagaimana yang mahkamah itu sendiri boleh lakukan setakat dan mengikut cara yang ditetapkan oleh kaedah-kaedah mahkamah.

(4) Kuasa, dalam masa, atau berkaitan dengan, pelaksanaan sesuatu penghakiman atau perintah atau penahanan harta sebelum penghakiman, membuat semua perintah yang sepatutnya, menguruskan harta dan mengawardkan ganti rugi atau pampasan, yang berbangkit daripada pelaksanaan atau penahanan itu, walaupun nilai harta itu atau amaun ganti rugi atau pampasan itu melebihi had kewangan bidang kuasa mahkamah itu sebagaimana yang dinyatakan dalam seksyen 65, 90 dan 92.

(5) (a) Dalam subperenggan ini "Mahkamah Agama Islam" hendaklah termasuk Mahkamah Syariah, Mahkamah Mufti, Mahkamah Kadi Besar, Mahkamah Kadi, Majlis dan badan seumpama yang diberi kuasa oleh mana-mana undang-undang bertulis untuk menjalankan fungsi-fungsi kehakiman berhubung dengan Hukum Syarak atau undang-undang adat Melayu, dan Yang di-Pertuan Agong atau Raja, apabila menjalankan fungsi-fungsi kehakiman berhubung dengan Hukum Syarak atau undang-undang adat Melayu.

(b) Sesuatu Mahkamah Sesyen di Wilayah Persekutuan atau di Negeri Johor, Kedah, Kelantan, Negeri Sembilan, Pahang, Perak, Perlis, Sabah, Sarawak, Selangor atau Terengganu boleh melaksanakan mana-mana penghakiman atau perintah Mahkamah Agama Islam yang mempunyai bidang kuasa di Wilayah Persekutuan atau di Negeri yang dalamnya Mahkamah Sesyen itu terletak, jika amaun atau nilai hal perkara itu melebihi lima ribu ringgit dan walaupun ia mungkin melebihi had kewangan bidang kuasa Mahkamah itu.

(c) Sesuatu Mahkamah Majistret yang diketuai oleh seorang Majistret Kelas Pertama di Wilayah Persekutuan atau di Negeri Johor, Kedah, Kelantan, Negeri Sembilan, Pahang, Perak, Perlis, Sabah, Sarawak, Selangor atau Terengganu boleh dengan cara yang sama melaksanakan mana-mana penghakiman atau perintah sedemikian jika amaun atau nilai hal perkara itu tidak melebihi lima ribu ringgit.

Pembatalan perintah

19. Kuasa untuk membatalkan, mengubah atau menggantung penguatkuasaan mana-mana penghakiman atau perintahnya setakat dan mengikut cara yang diperuntukkan oleh kaedah-kaedah mahkamah.

Hukuman terhadap perbadanan

20. Kuasa, jika mana-mana perbadanan bersalah atas apa-apa perbuatan atau peninggalan yang, jika perbadanan itu seorang individu, akan menjadikannya

boleh ditangkap atau dikomitkan, untuk memerintahkan penangkapan atau pengkomitan mana-mana pegawai perbadanan itu yang menyebabkan atau bersengaja membenarkan atau turut menyebabkan perbuatan atau peninggalan itu, dan juga untuk mendenda perbadanan itu.

Bunga

21. Kuasa untuk mengarahkan supaya bunga dibayar ke atas hutang-hutang, termasuklah hutang penghakiman atau ke atas jumlah wang yang didapati kena dibayar semasa mengambil akaun antara pihak-pihak, atau ke atas jumlah wang yang didapati kena dibayar dan tidak dibayar oleh penerima-penerima atau orang-orang lain yang bertanggung memberikan akaun kepada mahkamah.

Masa

22. Kuasa untuk melanjutkan atau memendekkan masa yang ditetapkan oleh mana-mana undang-undang bertulis bagi melakukan apa-apa perbuatan atau mengambil apa-apa prosiding, walaupun apa-apa permohonan baginya tidak dibuat sehingga selepas habis masa yang ditetapkan.

Penguatkuasaan penghakiman

23. Kuasa untuk menguatkuasakan sesuatu penghakiman Mahkamah mengikut apa-apa cara yang ditetapkan oleh mana-mana undang-undang bertulis.

24. (*Ditinggalkan*).

Pembelaan

25. Kuasa, walau apa pun seksyen 69, untuk memberi kesan yang sama kepada tiap-tiap alasan pembelaan, sama ada dari segi ekuiti atau dari segi undang-undang, sebagaimana yang patut diberi dalam kes itu oleh Mahkamah Tinggi dan dengan cara yang sepenuhnya dan secukupnya.

Penghinaan mahkamah

26. Kuasa untuk mengambil kognisans apa-apa penghinaan mahkamah dan untuk mengawardkan hukuman bagi penghinaan itu, yang tidak melebihi, dalam hal Mahkamah Sesyen, denda sebanyak tiga ratus ringgit atau pemenjaraan selama enam minggu, dalam hal Mahkamah Majistret yang diketuai oleh Majistret Kelas Pertama, denda sebanyak satu ratus lima puluh ringgit atau pemenjaraan selama tiga minggu, dan dalam hal Mahkamah Majistret yang diketuai oleh Majistret Kelas Kedua, denda sebanyak lima puluh ringgit atau pemenjaraan selama satu minggu, hingga takat dan mengikut cara yang ditetapkan oleh kaedah-kaedah mahkamah. Jika penghinaan mahkamah itu boleh dihukum sebagai suatu kesalahan di bawah Kanun Keseksaan, mahkamah boleh, sebagai ganti mengambil kognisans penghinaan itu, membenarkan supaya pendakwaan dijalankan.

Pembayaran interim

26A. Kuasa untuk membuat pembayaran interim.

Kuasa di bawah undang-undang lain

27. Apa-apa kuasa lain yang sekarang ini atau kemudian daripada ini diberikan kepadanya oleh mana-mana undang-undang bertulis.

JADUAL KEEMPAT

[Seksyen 77(1)]

MAJISTRET KELAS PERTAMA *EX OFFICIO*

Bagi Wilayah Persekutuan dan Semua Negeri

Timbalan Ketua Setiausaha Negara.

Ketua Penolong Setiausaha kepada Ketua Setiausaha Negara.

Ketua Pendaftar Mahkamah Persekutuan.

Timbalan Pendaftar Mahkamah Persekutuan.

Penolong Kanan Pendaftar Mahkamah Persekutuan.

Penolong Pendaftar Mahkamah Persekutuan.

Pendaftar Mahkamah Tinggi.

Timbalan Pendaftar Mahkamah Tinggi.

Penolong Kanan Pendaftar Mahkamah Tinggi.

Penolong Pendaftar Mahkamah Tinggi.

Hakim Mahkamah Sesyen.

Bagi Negeri mereka masing-masing

Setiausaha Kerajaan Negeri.

Setiausaha Rendah.

Penolong Setiausaha Pertama kepada Setiausaha Kerajaan Negeri.

Residen di Sarawak.

Pengarah Tanah dan Galian Negeri.

Pegawai Daerah di Malaysia Barat dan Sarawak.

Pegawai Pentadbir Daerah.

Pegawai Pentadbir Kelas I di Sabah dan Sarawak.

Penolong Pegawai Daerah yang menjaga Subdaerah.

Pentadbir Tanah bagi Wilayah Persekutuan.

MAJISTRET KELAS KEDUA *EX OFFICIO*

Bagi Negeri mereka masing-masing

Pegawai Daerah di Sabah.

Penolong Pegawai Daerah di Sabah.

Pendaftar Kanan dan Pendaftar Mahkamah Rendah.

JADUAL KELIMA

[Seksyen 110]

PEMANSUHAN

ORDINAN DAN ENAKMEN	TAJUK RINGKAS	TAKAT PEMANSUHAN
N.M.B. Bab 2 ...	Enakmen Mahkamah	Keseluruhan Enakmen, kecuali peruntukan-peruntukan yang berhubungan dengan Mahkamah Kadi dan Penolong Kadi serta rayuan daripadanya
Enakmen Johor No. 54	Enakmen Mahkamah	" "
Enakmen Kedah No. 25	Enakmen No. 25 (Mahkamah)	" "
Enakmen Kelantan No. 31 tahun 1938	Enakmen Mahkamah	" "

ORDINAN DAN ENAKMEN	TAJUK RINGKAS	TAKAT PEMANSUHAN
Enakmen Perlis No. 4 tahun 1330	Enakmen Mahkamah 1330	" "
Enakmen Terengganu No. 4 tahun 1340	Enakmen Mahkamah	Keseluruhan Enakmen, kecuali peruntukan-peruntukan yang berhubungan dengan Mahkamah Kadi dan Penolong Kadi serta rayuan daripadanya
N.N.S. Bab 10	Ordinan Mahkamah	Keseluruhannya
N.N.S. Bab 11	Ordinan Mahkamah Rayuan Jenayah	"
Enakmen Johor No. 7 tahun 1935	Enakmen Jaksa Pendamai 1935	"
Enakmen Kedah No. 28 tahun 1354	Enakmen Jaksa Pendamai	"
N.N.S. Bab 21	Kanun Tatacara Jenayah	Seksyen 17
Ordinan M.U. No. 3 tahun 1946	Ordinan Mahkamah 1946	Keseluruhannya
Sabah Bab 29	Ordinan Mahkamah Rendah dan mana-mana kaedah mahkamah yang dibuat di bawahnya	"
Sarawak Bab 42	Ordinan Mahkamah Rendah dan mana-mana kaedah mahkamah yang dibuat di bawahnya	"
Ordinan Sabah No. 2 tahun 1961	Ordinan Jaksa Pendamai 1961	"

UNDANG-UNDANG MALAYSIA

Akta 92

AKTA MAHKAMAH RENDAH 1948

SENARAI PINDAAN

Undang-undang yang meminda	Tajuk ringkas	Berkuat kuasa dari
P.U. 52/49	Pindaan kepada Jadual Keempat Ordinan Mahkamah 1948	18-2-1949
Ord. 2/50	Ordinan Mahkamah (Pindaan) 1950	1-1-1949
P.U. 41/51	Peraturan-Peraturan Darurat (Majlis Hakim-Hakim) (Penggantungan) 1951	25-1-1951
Ord. 29/51	Ordinan Mahkamah (Pindaan) 1951	1-9-1951— P.U. 502/51
P.U. 637/51	Pindaan kepada Jadual Keempat Ordinan Mahkamah 1948	30-11-1950
P.U. 207/52	Pindaan kepada Jadual Keempat Ordinan Mahkamah 1948	26-4-1952
P.U. 238/52	Pindaan kepada Jadual Keempat Ordinan Mahkamah 1948	15-5-1952
P.U. 566/52	Pindaan kepada Jadual Keempat Ordinan Mahkamah 1948	23-10-1952
Ord. 80/52	Ordinan Mahkamah (Pindaan) 1952	30-12-1952
P.U. 240/53	Kaedah Mahkamah Rendah 1953 (Tandatangan Proses) No. 2	1-5-1953
P.U. 317/53	Pindaan kepada Jadual Keempat Ordinan Mahkamah 1948	25-6-1953

Mahkamah Rendah

45

Undang-undang yang meminda	Tajuk ringkas	Berkuat kuasa dari
P.U. 462/53 ...	Pindaan kepada Jadual Keempat Ordinan Mahkamah 1948	22-8-1953
Ord. 49/53 ...	Ordinan Mahkamah (Pindaan) 1953	15-10-1953
P.U. 234/54 ...	Pindaan kepada Jadual Keempat Ordinan Mahkamah 1948	29-4-1954
P.U. 293/54 ...	Pindaan kepada Jadual Keempat Ordinan Mahkamah 1948	13-5-1954
P.U. 241/55 ...	Pindaan kepada Jadual Keempat Ordinan Mahkamah 1948	12-5-1955
P.U. 336/55 ...	Pindaan kepada Jadual Keempat Ordinan Mahkamah 1948	7-7-1955
P.U. 501/55 ...	Pindaan kepada Jadual Keempat Ordinan Mahkamah 1948	1-12-1955
Ord. 34/55 ...	Ordinan Harta Pusaka Kecil (Pembahagian) 1955	Tarikh yang berlainan ditetapkan bagi Negeri yang berlainan
P.U. 233/56 ...	Pindaan kepada Jadual Keempat Ordinan Mahkamah 1948	26-7-1956
P.U. 161/57 ...	Perintah Perjanjian Persekutuan Tanah Melayu (Pemindahan Kuasa- Kuasa Penasihat British) 1957	4-4-1957
Ord. 5/58 ...	Ordinan Mahkamah (Pindaan) 1958	29-4-1958
P.U. 174/58 ...	Perintah Perlembagaan Persekutuan (Pengubahsuaian Undang-Undang) (Ordinan Mahkamah) 1958	19-6-1958
P.U. 107/59 ...	Pindaan kepada Jadual Keempat Ordinan Mahkamah 1948	9-4-1959

Undang-undang yang meminda	Tajuk ringkas	Berkuat kuasa dari
Ord. 18/59	Ordinan Negeri Singapura 1959	3-6-1959 — P.U. 212/59
Ord. 24/59	Ordinan Mahkamah (Pindaan) 1959	27-5-1959 — P.U. 217/59
P.U. 191/61	Pindaan kepada Jadual Keempat Ordinan Mahkamah 1948	15-6-1961
Akta 38/62	Akta Hakim Rayuan 1962	31-5-1960
Akta 7/64	Akta Mahkamah Kehakiman 1964	16-9-1963: s.5 & sebagaimana yang diperuntukkan dalam s.81; 16-3-1964: baki — P.U. 85/64
Akta 68/65	Akta Penyemakan Undang-Undang Statut Persekutuan (Ordinan-Ordinan Persekutuan Tanah Melayu Yang Dahulu) 1965	30-9-1965
P.U. 88/65	Pindaan kepada Jadual Keempat Ordinan Mahkamah 1948	11-3-1965
P.U. (A) 521/69 ...	Ordinan Darurat (Kuasa-Kuasa Perlu) No. 14 1969	19-12-1969
Akta A33	Akta Mahkamah (Pindaan) 1971	30-4-1971
Akta A125	Akta Mahkamah (Pindaan) 1972	16-3-1964: s.4; 23-6-1972: baki
Akta A126	Akta Mahkamah Kehakiman (Pindaan) 1972	1-11-1972
Akta A128	Akta Probet dan Pentadbiran (Pindaan dan Peluasan) 1972	23-6-1972

Undang-undang yang meminda	Tajuk ringkas	Berkuat kuasa dari
P.U. (A) 43/74 ...	Perintah Wilayah Persekutuan (Pengubahsuaian Akta Mahkamah Rendah 1948) 1974	1-2-1974
P.U. (A) 72/74 ...	Perintah Wilayah Persekutuan (Pengubahsuaian Akta Mahkamah Rendah 1948) 1974 — Pembetulan	1-3-1974
P.U. (B) 218/75 ...	Pemberitahuan di bawah seksyen 77(2) Akta Mahkamah Rendah 1948	1-6-1975
Akta 160 ...	Akta Mata Wang Malaysia (Ringgit) 1975	29-8-1975
Akta A315 ...	Akta Mahkamah Rendah (Pindaan) 1975	5-9-1975
Akta A328 ...	Akta Mahkamah Kehakiman (Pindaan) 1976	23-1-1976
Akta A426 ...	Akta Dadah Berbahaya (Pindaan) 1978	10-3-1978
Akta A427 ...	Akta Senjata Api (Penalti Lebih Berat) (Pindaan) 1978	10-3-1978
Akta A434 ...	Akta Mahkamah Rendah (Pindaan) 1978	1-7-1978
Akta A459 ...	Akta Mahkamah Rendah (Pindaan) 1979	1-10-1979
P.U. (A) 357/80 ...	Perintah Akta Mahkamah Rendah (Peluasan) 1980	1-6-1981
Akta A566 ...	Akta Perlembagaan (Pindaan) 1983	16-12-1982; kecuali s.15, 16 & 17: 1-1-1985
Akta A671 ...	Akta Mahkamah Rendah (Pindaan) 1987	22-5-1987

Undang-undang yang meminda	Tajuk ringkas	Berkuat kuasa dari
Akta A887	Akta Mahkamah Rendah (Pindaan) 1994	24-6-1994
Akta A1228	Akta Mahkamah Rendah (Pindaan) 2004	Not Yet In Force